



Siaran Akhbar ini Diembargo hingga

16 Jun 2015, 5.00 petang

**BULAN BAHASA MERAIKAN SG50 DENGAN KEGIATAN YANG MEMPAMERKAN
BAHASA DAN BUDAYA MELAYU PADA SEPTEMBER 2015**

Sempena SG50, Majlis Bahasa Melayu, Singapura (MBMS) akan melancarkan Bulan Bahasa pada **5 September 2015** di Gardens by the Bay diikuti dengan program-program dan acara-acara sepanjang bulan untuk menunjukkan kepelbagaian bahasa, warisan dan budaya Melayu.

Sertai rakan kongsi kami dalam perayaan hujung minggu yang mempamerkan keindahan, semangat dan intipati Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu, Budaya and Mesra.

“Tahun ini, kami mementaskan Bulan Bahasa di tempat yang bertaraf antarabangsa dan kami mengundang semua rakyat Singapura untuk bersama kami meraikan keindahan Bahasa Kebangsaan kita Kata Penggerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa, Encik Zaqy Mohamad.

Nikmatilah Keindahan Bahasa Melayu yang kekal Relevan dalam Kehidupan Kita

Sepanjang hujung minggu pada 5 dan 6 September, para pengunjung boleh menikmati pelbagai acara – acara di merata Gardens By the Bay.

Mereka boleh meneroka taman-taman yang berbeza dan menikmati bacaan puisi dan sesi bercerita tentang mitos dan legenda Singapura secara interaktif berlatarkan paparan bunga “Cerita Singapura”.

Para pengunjung akan berpeluang untuk menyaksikan tarian Melayu tradisional dan persempahan dikir barat yang mempesonakan. Para penari akan menerangkan pergerakan dalam tarian mereka supaya pengunjung dapat memahami sejarah dan makna di sebalik setiap langkah.

Ketahuilah persamaan dan perbezaan amalan Silat pada masa lalu dan masa kini dalam pertunjukan Pencak Silat oleh para penggiat yang akan memaparkan langkah-langkah silat dan senjata.



Kaum keluarga boleh menguji pengetahuan mereka mengenai bahasa dan budaya Melayu sambil bermain permainan yang menyeronokkan seperti Naik Tangga dan Congkak. Mereka juga boleh mencipta Tanjak dan bahagian-bahagian pakaian Melayu yang lain yang boleh dibawa pulang.

Sambutan pelancaran pada 5 September diakhiri dengan sebuah konsert pada waktu malam dikelilingi keindahan Supertree Grove. Bawalah tikar dan bekal makanan untuk berkelah dan menikmati muzik dengan kerlipan bintang-bintang.

Untuk menikmati acara – acara di Flower Dome, kami mengundang semua mendaftar untuk tiket masuk percuma ke Flower Dome (sila rujuk ke muka surat 4 untuk maklumat lanjut).

Duta Bahasa 2015

Sejak 2010, Majlis Bahasa Melayu Singapura telah melantik para Duta Bahasa setiap tahun sebagai penggerak bahasa dan untuk menjadi contoh dalam penggunaan Bahasa Melayu. Tahun ini, empat duta telah dikenal pasti kerana semangat dan minat mereka dalam bahasa dan budaya Melayu.

1. *Datuk Ramli Sarip* – Seniman muzik rok Melayu yang terkenal
2. Nur Hafiza Osman (Fiza O) – Penyampai Radio Ria 89.7FM dan pengacara yang popular
3. Hairianto Diman – Wartawan dan penyampai berita di Berita Harian
4. Siti Aisyah Mohamed Salim (Chempaka Aizim) – Penulis dan guru Madrasah Alsagoff Al-Arabiah

Profil para Duta Bahasa terdapat di lampiran yang disertakan.



Meraikan Bulan Bahasa di estet-estet perumahan

Tahun ini, tiga lagi Kawasan undi Perwakilan Kumpulan (GRC) akan bersama untuk meluaskan jangkauan Bulan Bahasa. GRC Nee Soon, GRC Jurong dan GRC Choa Chu Kang akan menyertai GRC Tampines dalam usaha kami untuk meraikan perayaan Bulan Bahasa di estet-estet perumahan.

Di samping itu, Jawatankuasa-Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu dan para rakan kongsi akan menganjurkan acara-acara Semarak di serata Singapura.



Pelancaran Bulan Bahasa 2015

Pelancaran Bulan Bahasa akan berlangsung pada Sabtu, 5 September 2015 di Gardens by the Bay. Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong akan menjadi Tetamu Terhormat dalam majlis tersebut.

~~~

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Cik Aisyah Noor Mohd

No Telefon: 6332 2244

E-mel: [siti\\_aisyah\\_noor\\_mohd@nhb.gov.sg](mailto:siti_aisyah_noor_mohd@nhb.gov.sg)

### **Tentang Bulan Bahasa**

**Bulan Bahasa** pertama kali dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura pada tahun 1988 sebagai satu inisiatif untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian mereka. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2010, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk menggalakkan masyarakat menyertai kegiatan-kegiatan bahasa Melayu.

Sila lungsuri [mbms.sg](http://mbms.sg) dan [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa) untuk dapatkan maklumat lanjut tentang Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Bulan Bahasa.

### **Cara mendaftarkan diri untuk Masuk Percuma ke Flower Dome**

Pendaftaran untuk masuk percuma ke Flower Dome boleh – dilakukan dengan cara-cara yang berikut. Apabila berdaftar, sertakanlah nama penuh, nombor telefon bimbit, alamat e-mel dan tandakan tarikh pelancaran hujung minggu yang anda akan hadiri, misalnya pada 5 dan/atau 6 September 2015.

1. Daftar melalui lelaman PEATIX: <http://bulanbahasa.peatix.com>
2. E-mel kami di alamat: [NHB\\_MalayLanguageCouncil@nhb.gov.sg](mailto:NHB_MalayLanguageCouncil@nhb.gov.sg)
3. Hubungi kami di talian – (65) 6332 3293 dari hari Isnin hingga Jumaat pada 9 pagi hingga 12 tengah hari atau 2 petang hingga 5 petang.



*Pendaftaran akan tutup pada 24 Julai 2015.*

Pengesahan untuk pendaftaran akan diberikan melalui e-mel. - Pengesahan e-mel tidak boleh digunakan sebagai tiket masuk tetapi perlu digunakan untuk mendapatkan tiket masuk rasmi ke Flower Dome pada 5 atau 6 September 2015 di kaunter tiket khas Bulan Bahasa di Gardens by the Bay.



## Duta Bahasa 2015



**Datuk Ramli Sarip** yang juga lebih dikenali sebagai ‘Papa Rok’, memulakan kerjaya muziknya sebagai penyanyi utama kumpulan muzik tempatan, Sweet Charity, yang ditubuhkan pada 1969 dan diiktiraf sebagai kumpulan muzik yang mencetuskan muzik rock di Singapura dan Malaysia pada tahun 70-an dan 80-an.

Pada tahun 1985, beliau meninggalkan Sweet Charity untuk meneruskan kerjaya muzik beliau sendiri. Lagu-lagu dihasilkan selepas beliau meninggalkan Sweet Charity beralih dari lagu-lagu rock ke lagu kemasyarakatan dengan nada tradisional. ‘Bukan Kerana Nama’ adalah antara lagu beliau yang diminati ramai. Sepanjang kerjaya muzik beliau sendiri, beliau telah menghasilkan 12 buah album solo serta meraih 10 anugerah cakera emas dan 12 anugerah cakera platinum.

Sebagai Duta Bahasa, Datuk Ramli percaya bahawa muzik meningkatkan penghayatan bahasa melalui lirik dan lagu.



**Nur Hafiza Osman**, atau lebih dikenali sebagai Fiza O, ialah seorang DJ radio Mediacorp Ria 89.7FM. Beliau juga merupakan penerbit rancangan TV seperti ‘The ‘O’ Show’, ‘Schools’ dan ‘Girlfriends’ yang disasarkan kepada belia Melayu.

Beliau sering mengacara pelbagai program Melayu dan baru-baru ini, program pertandingan nyanyian, ‘Anugerah’ dan anugerah muzik Melayu serantau, ‘Anugerah Planet Muzik’.

Sebagai seorang ibu, Fiza O percaya bahawa memelihara dan menyebarkan bahasa Melayu kepada generasi yang akan datang amat penting sekali.



**Hairianto Diman** berijazah Bahasa Inggeris dari Universiti Nasional Singapura. Sepanjang pengajian di universiti, beliau merupakan pengarah dan pengacara di NUS RadioPulze.

Sebagai wartawan di Berita Harian (BH), kebolehan beliau untuk berdwibahasa memberikan beliau kelebihan apabila membuat liputan berita untuk disampaikan kepada pembaca bahasa Melayu. Hairianto juga gemar menggunakan media sosial.



**Siti Aisyah Mohamed Salim** ialah seorang penulis cerpen yang lebih dikenali dengan nama pena, Chempaka Aizim. Karya beliau yang menangani hal-hal sastera dan isu-isu semasa telah diterbitkan dalam akhbar dan majalah.

Pada 2006, cerpen beliau bertajuk ‘Dia Tetap Ada’ dianugerahkan *Anugerah Sayembara Noktah Putih*. Pada tahun 2013, cerpen ‘Bicara Rumah Kedai’ beliau menerima hadiah sagu hati Anugerah Persuratan yang dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura.

Beliau mempunyai ijazah kepujian dalam kesusasteraan Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini mengajar di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. Beliau berharap untuk menerbitkan karya-karya beliau pada masa depan.



## **Tema Bulan Bahasa 2015**

### **Ilmu, Budaya, Mesra**

Bulan Bahasa mengajak kita menggunakan Bahasa Melayu untuk tujuan meraih dan menyampaikan ilmu, memasyarakatkan budaya serta mengukuhkan jalinan yang mesra sesama kita.

#### **Bahasa sebagai Ilmu**

Bahasa kita hidup apabila kita gunakan untuk pelbagai keperluan mencari ilmu. Sama ada digunakan oleh para sarjana untuk membina bahasa Melayu, untuk menimba dan mendalami pengetahuan agama ataupun untuk mencari makna kata dalam kehidupan harian, bahasa Melayu akan terus digunakan untuk mencari dan menambahkan ilmu masyarakat kita.

#### **Bahasa sebagai Budaya**

Adab murni dan budaya seni lebih bermakna apabila disampaikan dalam lengkok dan nuansa bahasa Melayu yang jitu untuk menyampaikan hati nurani orang Melayu. Dengan bahasa Melayulah kita mengenal elok budi dan budaya leluhur masyarakat kita.

#### **Bahasa sebagai membina Kemesraan**

Bahasa Melayu menjalin kemesraan dalam kalangan penuturnya. Tidak kira sama ada diselangi pantun dan puisi dalam majlis penuh takzim ataupun bersantai dengan keluarga dan sahabat handai di tepi pantai, bahasa Melayu menjadikan suasana bersama lebih akrab sekali.

#### **‘Ilmu, Budaya, Mesra’**

Bahasa ‘Ilmu, Budaya, Mesra’ memperlihatkan pentingnya bahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat. Apabila kita menggunakan bahasa, ilmu dan budaya kita terpelihara dan kemesraan terjalin ketara. Dengan terlestarinya bahasa, dapatlah kita mewariskannya kepada generasi sesudah kita.